



KOMPILASI KEPUTUSAN FATWA NEGERI PERLIS

Berkaitan Wanita

mufti.perlis.gov.my

KOMPILASI KEPUTUSAN FATWA NEGERI PERLIS **BERKAITAN WANITA**

©2018, Jabatan Mufti Negeri Perlis

Cetakan Pertama 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini di dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau selainnya sebelum mendapat izin bertulis daripada SS Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Atur Huruf & Rekabentuk

PGF PRINT

No 102, Persiaran Wawasan,

Batu Hampar, Seriab,

01000 Kangar, Perlis.

Tel : 012-588 9421 / 012-474 3077

Email : pgfprint.my@gmail.com

Diterbitkan oleh:

JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

Tingkat 1, Blok A,

Bangunan Dato' Mahmud Mat,

01000 Kangar, Perlis.

Tel: 04-979 4428, Fax : 04-976 3844



KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS

1	Hukum Program Perkongsian Susu Ibu Di Hospital	01
2	Hukum Khitan Anak Perempuan	03
3	Hukum Isteri Meninggalkan Rumah Suami Disebabkan Ancaman	04
4	Hukum Taklik Talak Tiga	05
5	Hukum Berkaitan Vaksin	07
6	Fatwa Zakat Emas Perhiasan	08
7	Hak Hadanah Anak Bagi Ibu Bapa Berlainan Agama	09

**MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA
NEGERI PERLIS KALI KE-31/2017**

6 Ogos 2017
13 Zulkaedah 1438H

**HUKUM PROGRAM PERKONGSIAN
SUSU IBU DI HOSPITAL**

Para ulama telah berbeza pendapat tentang beberapa perincian berkaitan hukum susuan (radha'ah). Majoriti (Jumhur) berpendapat penyusuan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung daripada payudara ibu boleh mensabitkan hubungan mahram susuan.

Di samping itu terdapat dalam kalangan ulama yang mensyaratkan susuan itu hendaklah secara langsung daripada payudara ibu susuan. Ini seperti pendapat al-Laith bin Saad, Ibn Hazm dan selain mereka. Pandangan ini juga yang ditarjihkan oleh al-Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, al-Syeikh Mustafa al-Zarqa dan lain-lain. Para ulama juga ramai yang menyebut bahasawanya percampuran susu berlainan ibu tidak mensabitkan hukum mahram. Demikian juga para ulama berkhilaf tentang jumlah bilangan susuan yang mensabitkan hukum berkenaan. Majoriti ulama mentarjihkan lima kali susuan yang mengenyangkan.

Setelah berbincang pandangan-pandangan di atas dan mengambil kira keperluan dan realiti yang ada dalam memelihara nyawa bayi khususnya bayi pramatang seperti yang telah dibentangkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berpendapat bahawa program perkongsian susu ibu yang dicadangkan oleh KKM adalah tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa meminta supaya cara pelaksanaan program tersebut mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Hendaklah mendapat persetujuan dari kedua-dua pihak (ibu susuan dan anak susuan), kecuali dalam keadaan darurat.
2. Sekiranya berlaku susuan sebanyak 5 kali kenyang ke atas dari seseorang ibu susuan yang sama dengan rekod yang jelas, maka kedua-dua pihak (ibu susuan dan anak susuan) hendaklah mengetahui antara satu sama lain. Ini bagi menjaga hukum-hakam yang berkaitan dengan mahram.

Jawatankuasa juga ingin memaklumkan bahawa wujudnya keluasan pendapat dalam hal ini di mana para ulama seperti al-Laith bin Saad, Ibn Hazm, al-Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, al-Syeikh Mustafa al-Zarqa dan lain-lain mensyaratkan susuan itu berlaku secara langsung daripada payudara ibu, maka bagi yang berpegang dengan pendapat ini, dua perkara yang disebutkan di atas tidak menjadi syarat.

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS KALI KE-29/2017

18-19 April 2017
21-22 Rejab 1438h

HUKUM KHITAN ANAK PEREMPUAN

Setelah melihat dalil-dalil yang dibincangkan oleh ulama dan penelitian pakar perubatan dalam hal ini, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berpendapat seperti berikut:

Hukum khitan bagi wanita berbeza mengikut keadaan alat sulit seseorang wanita. Ia berdasarkan keadaan setiap wanita setelah ditentukan keperluannya oleh pakar. Jika seseorang wanita mendapati dirinya perlu melakukan khitan dan dipersetujui oleh pakar, maka ianya satu makrumah (penghormatan) seperti dalam hadis Ummu 'Atiyah yang dinilai Hasan oleh sebahagian ulama. Sekiranya didapati tiada keperluan melakukan khitan, maka khitan tidak perlu dilakukan untuk dirinya.

Adapun khitan bayi perempuan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat tanpa merujuk keperluannya kepada pakar merupakan amalan yang tidak mempunyai apa-apa asas dalil syarak, bahkan mungkin mendedahkan bayi kepada kemudharatan jika dilakukan secara yang salah.

Andaian bahawasanya rangsangan seks berlebihan pada wanita disebabkan tidak berkhitan adalah tidak memiliki apa-apa alasan yang kukuh.

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS KALI KE-24 & 25/2016

20-21 Disember 2016
20-21 Rabiul Awwal 1438H

HUKUM ISTERI MENINGGALKAN RUMAH SUAMI DISEBABKAN ANCAMAN

Pada asalnya isteri tidak boleh keluar daripada rumah suaminya (Bait al-Zaujiyyah) iaitu rumah kehidupan pasangan suami isteri yang disediakan oleh suami melainkan dengan izin suami. Ini kerana suami merupakan pelindung, pembimbing dan ketua keluarga di mana isteri berada di bawah tanggungjawabnya.

Jika isteri boleh berada di mana-mana sahaja tanpa keizinan suami tentulah peraturan rumahtangga tidak akan wujud dan pergaulan baik antara suami isteri tidak akan berlaku dalam ertikata yang sebenar.

Namun begitu jika sekiranya isteri pada anggapan yang kuat, merasakan agama, diri, kehormatan, keluarga atau hartanya berada dalam keadaan bahaya yang diiktiraf oleh syarak, tidak mempunyai jalan keluar dan tidak mampu untuk ditanggung jika terus berada di rumah suami, maka isteri diharuskan keluar sekalipun tanpa keizinan suami. Ini setelah isteri benar-benar mendapati tiada langkah penyelesaian melainkan keluar meninggalkan rumah suami.

Begitu juga jika suami gagal menunaikan tanggungjawab menyediakan tempat tinggal yang selamat dan sesuai atau nafkah yang mencukupi, maka isteri boleh keluar rumah tanpa mendapat izin suami dan tidak dikira nusyuz sehingga suami dapat menunaikan tanggungjawabnya.

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS KALI KE-24 & 25/2016

20-21 Disember 2016
20-21 Rabiul Awwal 1438H

HUKUM TAKLIK TALAK TIGA

Talak adalah hukum syarak yang tidak boleh dipermainkan kerana ia boleh meruntuhkan perkahwinan.

Merujuk kepada taklik mentalakkan isteri dengan talak tiga sekiranya melanggar sesuatu perjanjian, terdapat beberapa keadaan:

1. Sekiranya ketika dilafazkan taklik tersebut, suami yang melafazkan itu sememangnya bertujuan untuk mentalakkan isterinya jika dia melanggar perjanjian itu, maka isterinya tertalak dengan satu talak.
2. Sekiranya ketika dilafazkan taklik tersebut, suami yang melafazkan itu tidak bertujuan mentalakkan isterinya tetapi sekadar memberi keyakinan kepada pihak yang lain bagi menggambarkan kebenciannya melanggar perjanjian itu sepertimana dia membenci mentalakkan isterinya, maka taklik tersebut tidak menjatuhkan talak dan tidak memberi kesan.
3. Jika dia tidak pasti keadaan dirinya semasa taklik sama ada terpaksa ataupun rela, dalam keadaan sedar ataupun tidak, memahami maksud taklik tersebut ataupun tidak, maka kembali kepada hukum asal bahawa akad perkahwinan yang asal masih sah. Ini berdasarkan kaedah fiqh:

اليقين لا يزول بالشك

Perkara yang yakin, tidak boleh dihilangkan dengan keraguan.

Jika suami mengungkapkan taklik itu sebagai sumpah bagi dirinya ke atas apa-apa yang dijanjikan dan melanggarnya, maka hendaklah dia menunaikan kaffarah sumpah.

Jika berlaku perbalahan pendapat antara suami dan isteri tentang kedudukan taklik talak mereka, kemudian jika kes itu mereka bawa ke mahkamah, maka penentuan dalam kes perbalahan mereka itu ditentukan oleh hakim Syar'ie.

**MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA
NEGERI PERLIS KALI KE-23/2016**

3-4 Oktober 2016
2-3 Muharam 1438H

HUKUM BERKAITAN VAKSIN

Melindungi anak-anak daripada bahaya atau kemudharatan merupakan tanggungjawab yang wajib ke atas ibubapa. Pengambilan vaksin pada masa ini terbukti merupakan kaedah yang paling berkesan bagi melindungi anak daripada wabak penyakit yang merbahaya seperti cacar, polio, influenza, meningococcal, cirit-birit dan lain-lain. Maka pengambilan vaksin bagi melindungi anak dari serangan wabak termasuk dalam tanggungjawab ibubapa atau penjaga yang wajib ditunaikan. Kecuaian dalam menunaikan tanggungjawab ini sehingga membawa mudharat kepada anak-anak adalah berdosa.

Keengganan mengambil langkah pencegahan sehingga boleh menyebabkan penularan wabak penyakit merbahaya ke dalam masyarakat merupakan satu lagi dosa.

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS KALI KE-20 & 21/2016

18-19 Februari 2016
9-10 Jamadil Awwal 1437H

FATWA ZAKAT EMAS PERHIASAN

Setelah berbincang dengan panjang lebar dan meneliti hujah-hujah yang dibentangkan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis memutuskan seperti berikut:

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis **bersetuju sebulat suara untuk mengekalkan keputusan** Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis yang telah bersidang pada 11 Mei 1988 seperti berikut:

1. Tiada perbezaan mengenai kewajipan zakat ke atas emas yang dipakai atau emas yang disimpan ;
2. Tiada istilah Had Uruf di Negeri Perlis ;
3. Semua pemilik emas yang melebihi nisab 85 gram emas dikenakan zakat.

MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS KALI KE-18/2015

22-23 April 2015

3-4 Rejab 1436H

HAK HADANAH ANAK BAGI IBU BAPA BERLAINAN AGAMA

Pasangan bukan Islam yang salah seorang daripada mereka memeluk Islam, maka hak hadanah tidak dinilai berdasarkan kepada agama ibu atau bapa. Sebaliknya diserahkan kepada sesiapa yang lebih dapat menjamin kemaslahatan anak dari sudut perkembangan moral, emosi dan tumbesarnya (syafaqah). Dalam masa yang sama, ibu atau bapa yang muslim bertanggungjawab memperkenalkan Islam kepada anak. Perinciannya adalah seperti berikut:

1. Anak Di Bawah Tempoh Susuan

- i. Jika anak masih di bawah susuan badan ibu, maka hak hadanah diserahkan kepada ibu.
- ii. Jika anak bukan disusui oleh ibu, maka hak hadanah diserahkan kepada sesiapa yang lebih dapat memberi syafaqah yang boleh dirujuk kepada latar kedua-dua pihak dan pilihan anak.

2. Anak Melepassi Tempoh Susuan

- i. Jika anak melepasi tempoh susuan tetapi belum mumayyiz, maka hak hadanah diserahkan kepada sesiapa yang lebih dapat memberikan syafaqah yang boleh dirujuk kepada latar belakang kedua-dua belah pihak.

- ii. Jika anak telah mumayyiz maka dia berhak membuat pilihannya. Melainkan jika dapat dibuktikan pemilihannya itu akan membawa mudharat kepada kehidupan dunianya.

3. Tanggungjawab Memperkenalkan Islam

Ibu atau bapa yang muslim wajib & berhak memperkenalkan Islam kepada anaknya sekalipun beliau tidak memperoleh hak hadanah. Maka ruang memperkenalkan Islam kepada anak hendaklah diberikan kepadanya.